

**TERJEMAHAN BERITA SUKAN GOLF
DALAM "BERITA HARIAN" MALAYSIA**

ABDUL MAJEED BIN HJ. AHMAD

**Tesis ini diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

2002

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, tesis ini dapat disiapkan.

Terima kasih diucapkan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana memberikan peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana dalam bidang Bahasa Malaysia dan Terjemahan.

Terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia saya, Profesor Mashudi Haji Kader yang telah membimbing saya sejak saya memulakan pengajian peringkat sarjana ini sehinggalah ke saat tesis ini disiapkan. Kewibawaan beliau sebagai seorang tokoh akademik ulung yang sarat dengan ilmu tidak dapat dinafikan.

Ribuan penghargaan diucapkan juga kepada staf Berita Harian yang telah menyumbangkan pelbagai input yang berguna bagi kajian ini, terutamanya kepada Editor Sukan Berita Harian, Encik Mohd Razali bin Yahaya, sahabat karib dan pemberita Berita Harian Kota Bharu, Cik Veena Rusli dan pemberita Berita Harian Seri Manjung, Encik Kamarulzaman Pid.

Tidak lupa juga terima kasih kepada mereka yang banyak membantu, Dr. Aniswal Abdul Ghani, Pn. Asmah Mansor, Puan Hasmidar Hassan, Encik Khairuddin Abdul Majid, Encik Nor Rozino Eddy dan Encik Abdullah Ahmad dan kakitangan perpustakaan UiTM Kampus Perak, USM dan lain-lain.

Akhirnya kepada isteri, Fazliza Che Amat dan kedua-dua anak –Adam Anwar Farhan dan Adam An Naqi, terima kasih di atas sokongan berterusan dan nilai kesabaran yang tinggi yang telah ditunjukkan. Tidak lupa juga terima kasih kepada seluruh keluarga yang sentiasa memberikan ingatan dan sokongan.

Kepada semua yang telah memberikan sokongan moral, yang namanya tidak tercatat di sini, saya ucapkan terima kasih.

Wasallam.

Abdul Majeed Hj. Ahmad

2 Mac 2002/17 Zulhijjah 1422H

SENARAI KANDUNGAN

| | |
|-------------------|------|
| Tajuk | i |
| Penghargaan | ii |
| Kandungan | iv |
| Senarai Jadual | vii |
| Senarai Rajah | viii |
| Senarai Singkatan | ix |
| Abstrak | x |
| Abstract | xii |

BAB 1 PENGENALAN

| | | |
|------|--|----|
| 1.1 | Penterjemahan di Malaysia dan Pernyataan Masalah | 1 |
| 1.2 | Berita Sukan | 9 |
| | 1.2.1 Berita Sukan dalam Berita Harian (BH) | 12 |
| | 1.2.2 Berita Sukan Golf dalam BH | 16 |
| | 1.2.3 Bahasa dan Gaya Penulisan Berita Sukan | 16 |
| 1.3 | Tujuan Kajian | 20 |
| 1.4 | Persoalan Kajian | 21 |
| 1.5 | Kerangka Teori | 21 |
| 1.6 | Kajian Lalu | 39 |
| 1.7 | Bidang dan Batasan Kajian | 41 |
| 1.8 | Kaedah Kajian | 43 |
| 1.9 | Kepentingan Kajian | 45 |
| 1.10 | Organisasi Kajian | 45 |

ABSTRAK

Terjemahan Berita Sukan Golf dalam "Berita Harian" Malaysia

Kajian ini memberikan tumpuan kepada penterjemahan berita akhbar sukan golf dalam Berita Harian.

Kajian ini mengkaji prosedur proses penterjemahan sukan golf. Prosedur tersebut meliputi operasi-operasi linguistik seperti pengguguran maklumat, penggantian leksikal dan rumus penyuntingan sintaksis. Prosedur tersebut ialah komponen penting bagi pihak akhbar mencapai falsafah penyuntingannya yang menjadi landasan penting dalam usahanya menghasilkan output terjemahan yang baik.

Kajian ini juga menjawab persoalan kajian seperti kesan terjemahan terhadap makna yang menjurus kepada ketidaktepatan terjemahan serta strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah yang sentiasa dikawal oleh '*commissioner*'.